

AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991

PERATURAN-PERATURAN PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI
PUSAT)(PEMBELIAN SYERNYA SENDIRI OLEH SYARIKAT) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pembelian Syernya Sendiri Oleh Syarikat) 1997** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 1997.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“daftar anggota” ertinya daftar anggota yang disenggarakan oleh seseorang penerbit menurut seksyen 158 Akta Syarikat 1965;

“hak dan obligasi” ertinya segala hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan segala liabiliti, kewajipan dan obligasi yang berkenaan dengan atau berbangkit daripada sesuatu syer, sama ada diberikan atau dikenakan oleh Akta syarikat 1965 atau memorandum atau perkara-perkara persatuan penerbit itu, atau selainnya, seolah-olah pemegang syer itu ialah seorang anggota yang didaftarkan dalam daftar anggota;

“penerbit”, berhubungan dengan mana-mana sekuriti telah-deposit, ertinya syarikat awam, perbadanan, kerajaan, atau badan, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, yang menerbitkan sekuriti itu;

“perbadanan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

“syer” ertinya syer dalam modal syer sesuatu penerbit yang disebut harga pada senarai rasmi suatu bursa saham.

Penetapan pembelian syer oleh penerbit sebagai suatu keadaan di bawah perenggan 41(1)(e) Akta

3. Bagi maksud perenggan 41(1)(e) Akta, segala syer yang diterbitkan oleh seseorang penerbit dan telah dibeli oleh penerbit itu menurut seksyen 67A Akta Syarikat 1965 dan dikreditkan ke dalam akaun sekuriti penerbit itu adalah dinyatakan sebagai berada dalam gantungan.

Hak penerbit

4. Apabila syer dinyatakan sebagai berada dalam gantungan, penerbit—

- (a) tidak boleh melupuskan, memindahkan, menggadaikan atau selainnya meniagakan syer itu; atau
- (b) tidaklah berhak atau tertakluk kepada apa-apa hak dan obligasi.

Dibuat 1 September 1997

[S(8.02) 443/8-2 Jd. PN(PU²) 562]

ANWAR IBRAHIM

Menteri Kewangan Kedua